

## **Pendidikan Karakter : Analisis ‘*Ibād al-Rahmān* Dalam Surah Al-Furqan**

### ***Character Education: An Analysis of ‘Ibād al-Rahmān in Surah al-Furqan***

Khadijah Munirah Suhaimi

Centre for Foundation & Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
munirah.khadijah@gmail.com

Riswadi Azmi

Centre for Foundation & Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
riswadi@umt.edu.my

Nor Hazmin Sabri

Faculty of Science & Marine Environment, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
norhazmin@umt.edu.my

Aisyah Dollah @ Abdullah

Centre for Foundation & Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
aisyahabdullah@umt.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.2>

#### ***Abstract***

*The social problems that occur in society require various approaches to overcome. Among the ideal approaches to highlight is character education. This is because character education is an approach that can change the character of the individual to become a better person. In fact, the Quran has displayed many characters that need to be emulated and shunned through stories and lessons. Among the character education that needs to be highlighted is verses 63-74 of surah al Furqan which is also known as 'ibad al-Rahman. Looking at the importance of character education in the Quran, this study aims to examine the concept of 'Ibad al-Rahman contained in surah al-Furqan and identify the characters of 'Ibad al-Rahman which can be highlighted from it. Qualitative study methods are used by examining past studies and library studies. The results of the study found that 'ibad al-Rahman is a group of verses that explain the beloved servant of Allah and should be practiced by every Muslim. The results of the study also found that there are 10 characters contained in the verses covering two aspects, namely the human relationship with the*

*creator and the relationship of man with man. This study is seen to be able to give the public an understanding of the importance of character education based on the Quran.*

**Keywords:** *Character Education, 'Ibad al-Rahman, Surah al-Furqan*

### **Abstrak**

Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat memerlukan kepada kepada pelbagai pendekatan untuk mengatasinya. Antara pendekatan yang sesuai untuk diketengahkan ialah pendidikan karakter. Ini kerana pendidikan karakter merupakan pendekatan yang boleh mengubah karakter individu supaya menjadi insan yang lebih baik. Bahkan al-Quran telah memaparkan banyak karakter yang perlu dicontohi dan di jauhi melalui kisah dan pengajaran. Antara Pendidikan karakter yang perlu diteliti ialah ayat 63-74 dari surah al Furqan yang juga dikenali sebagai '*Ibād al-Rahmān*'. Melihat kepada kepentingan pendidikan karakter dalam al-Quran maka kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep '*Ibād al-Rahmān*' yang terkandung dalam surah al-Furqan dan mengenalpasti karakter-karakter '*Ibād al-Rahmān*' yang boleh dikeluarkan daripadanya. Kaedah kajian kualitatif digunakan dengan meneliti kajian lepas dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati '*Ibād al-Rahmān*' merupakan gugusan ayat yang menerangkan tentang hamba Allah yang dicintai dan perlu diamalkan oleh setiap muslim. Hasil kajian juga mendapati terdapat 10 karakter yang terkandung dalam ayat meliputi dua aspek iaitu hubungan manusia dengan pencipta dan hubungan manusia dengan manusia. Kajian ini dilihat mampu memberi kefahaman kepada masyarakat akan kepentingan pendidikan karakter berdasarkan al-Quran.

Kata kunci: Pendidikan Karakter, '*Ibād al-Rahmān*', Surah al-Furqan

### **Pendahuluan**

Isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat merupakan perkara yang sering dibincangkan dan ianya menjadi perkara penting kepada kerajaan. Ini kerana masalah sosial yang berlaku akan memberi kesan kepada pembangunan negara dan masa depan generasi akan datang. Data jenayah semasa boleh dikaitkan dengan masalah sosial yang berlaku dan ianya dibuktikan melalui statistik jenayah Malaysia bagi tahun 2021 mencatatkan jumlah kes jenayah sebanyak 65,623 kes pada tahun 2020. Manakala aduan jenayah siber yang melibatkan elemen lucah, palsu, jelik, sumbang dan mengancam meningkat 99.5 peratus pada tahun 2020 iaitu 20,805

kes berbanding 10,426 kes pada tahun 2019.<sup>1</sup> Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, pendekatan melalui pendidikan yang holistik merupakan kaedah terbaik dalam menangani isu dan masalah ini.

Menurut Syaparuddin, S., & Elihami, E. (2019), selain daripada pendidikan secara formal yang dipelajari di sekolah, pendidikan tidak formal juga merupakan pendekatan yang perlu diperhatikan dan diamalkan.<sup>2</sup> Pendidikan tidak formal adalah pendidikan yang boleh membentuk karakter seseorang individu untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab, hormat-menghormati, bertolak ansur, berdisiplin dan mengamalkan nilai-nilai murni. Karakter ini tidak dapat dibentuk melalui pembelajaran secara teori semata, bahkan ianya boleh diterapkan dalam pendidikan tidak formal seperti ketika aktiviti bersukan, aktiviti sosial bersama rakan sebaya, aktiviti kekeluargaan dan juga keagamaan.

Menurut Dian Arief *et. al* (2020), pendidikan karakter memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan pendidikan masyarakat khususnya golongan remaja. Pendidikan karakter ini boleh membentuk identiti, jati diri, psikologi, personaliti dan juga nilai patriotik.<sup>3</sup> Islam juga amat menitikberatkan pembangunan karakter dalam membentuk personaliti muslim yang soleh. Ibadah solat contohnya bukan sekadar berfungsi sebagai ibadah khusus dan rukun Islam yang wajib ditunaikan, bahkan ketaatan melaksanakan ibadah solat mampu membangunkan karakter muslim yang rendah diri terhadap pencipta, tidak sombong dan sentiasa menepati waktu. Begitu juga dengan ibadah puasa pada bulan Ramadhan, ianya mampu membangun karakter insan yang menginsafi nikmat rezeki, patuh dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah. Ibadah zakat dan

---

<sup>1</sup> Kenyataan Media Statistik Jenayah Malaysia (2021), Jabatan Perdana Menteri: Kuala Lumpur. Diakses pada 3 Jun 2022 melalui [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf)

<sup>2</sup> Syaparuddin, S., & Elihami, E. (2019). Peranan Pendidikan Nonformal dan Sarana Pendidikan Moral. *Jurnal Edukasi Nonformal*, 1(1), 173-186. Diunduh daripada <https://ummaspul.e-journal.id/JENFOL/article/view/317>

<sup>3</sup> Dian Arief Pradana, Mahfud Mahfud, Candra Hermawan, Herdiana Dyah Susanti (2020). Nasionalism: Character Education Orientation in Learning Development. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal) : Humanities*, Vol 3, No 4 (2020) hlm. 4026-4034.

sedekah juga boleh membentuk karakter muslim yang penyayang, bertolak ansur dan bertimbang rasa sekiranya ia dilakukan dengan ikhlas.

Karakter Nabi Muhammad S.A.W dibentuk menerusi wahyu al-Qur'an yang diturunkan sepanjang tempoh kerasulannya. Kitab al-Qur'an bukan sekadar kitab yang menerangkan syariat dan hukum hakam, bahkan ianya banyak terkandung nilai-nilai karakter yang disebut secara langsung mahupun tidak langsung melalui kisah nabi, rasul dan umat terdahulu. Kitab suci al-Qur'an berperanan dalam memandu karakter Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana maksud firman Allah S.W.T;

Sesungguhnya terdapat dalam diri Rasul teladan yang baik bagi yang mengharapkan (ridha) Allah dan ganjaran di hari kemudian dan dia banyak menyebut Allah.

Al-Ahzab : 21

Menurut al-Zamakhsyari (1999), perkataan *uswatun* pada ayat di atas adalah merujuk kepada makna teladan dalam dua pemahaman, iaitu pertama, karakter Nabi Muhammad S.A.W secara keseluruhannya adalah teladan meliputi pelbagai aspek. Maksud kedua ialah sesetengah karakter beliau sahaja yang boleh diteladani oleh manusia. Namun majoriti ulama' berpandangan maksud pertama adalah yang paling tepat, kerana ianya sesuai dengan pelantikan Nabi Muhammad S.A.W sebagai Nabi dan Rasul yang karakter mulianya perlu diteladani secara total. Hal ini tidak termasuk hukum, mukjizat, anugerah dan hal-hal yang khusus hanya pada diri Nabi Muhammad S.A.W sahaja.<sup>4</sup>

Al-Qur'an diturunkan sebagai panduan dalam kehidupan manusia secara amnya dan setiap ayat mengandungi pengajaran untuk dijadikan pedoman termasuk dalam pembentukan karakter manusia. Ayat 63-74 daripada surah al-Furqan dikenalpasti mengandungi beberapa karakter yang perlu diteliti dengan lebih mendalam. Justeru kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut ; 1) meneliti konsep *'Ibād al-Rahmān* yang terkandung dalam surah al-Furqan ; 2) mengenalpasti karakter-karakter *'Ibād al-Rahmān* yang boleh dikeluarkan daripadanya. Secara teorinya, kajian ini akan memberi sumbangan pemikiran dalam ilmu

---


<sup>4</sup> Al-Zamakhsyari (1999). al-Kasasyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Takwil, Kaherah: Maktabah al-Wafiyah. Hlm. 95.

pengetahuan serta memperkaya konsep dan teori pembentukan karakter berdasarkan surah al-Furqan. Secara praktikalnya, kajian ini dijangka mampu memberi idea kepada pihak bertanggungjawab untuk menjadikan karakter daripada surah al-Furqan ini sebagai model yang sesuai dalam membangunkan sosial masyarakat.

### Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan, maka metodologi kajian kualitatif digunakan. Kaedah ini amat sesuai digunakan kerana kajian ini melibatkan data-data dari sumber kepustakaan. Proses kajian ditetapkan sebagaimana rajah 1.0 berikut;

Rajah 1.0 Proses Kajian



Berdasarkan Rajah 1.0, kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti isu. Isu sosial yang berlaku dalam masyarakat dikenalpasti sebagai masalah kajian yang perlu diselesaikan. Isu ini diperolehi berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Negara, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada tahun 2021. Data terkini amat perlu dikemukakan, ini bagi memastikan kajian ini amat relevan untuk dilakukan dan memberi manfaat ilmu kepada pemegang taruh dan masyarakat. Setelah mengenal pasti masalah kajian, maka objektif kajian ditetapkan iaitu 1) meneliti konsep *'Ibād al-Rahmān* yang terkandung dalam surah al-Furqan ; 2) mengenalpasti karakter-karakter *'Ibād al-Rahmān* yang boleh dikeluarkan daripadanya. Bagi mencapai objektif kajian ini, maka konsep berdasarkan karakter yang terkandung dalam surah-Furqan perlu dianalisis dengan berpandukan kepada kajian lepas.

Kajian kualitatif ini melibatkan pengumpulan data iaitu mencari, mencatat dan mengumpulkan semua data melalui kajian kepustakaan. Kemudian data ini disusun untuk mendapatkan kesimpulan dan Langkah analisis data dilakukan mengenalpasti kesepadanan data iaitu melibatkan dua pandangan daripada kajian

lepas. Hasilnya, kajian ini dapat memaparkan karakter-karakter *'Ibād al-Rahmān* yang boleh dijadikan konsep dalam membangunkan model pembangunan masyarakat dan seterusnya mampu menyelesaikan isu sosial.

## **Hasil dan Dapatan Kajian**

### ***'Ibād al-Rahmān***

*'Ibād al-Rahmān* terdiri daripada dua patah perkataan iaitu *'ibād* yang bermaksud hamba ialah merujuk kepada semua umat manusia. Walaubagaimanapun, maksud *'ibād* lebih tepat merujuk kepada hamba-hamba Allah yang beriman. Ini kerana hanya manusia yang mentaati perintah tuannya sahaja layak dipanggil sebagai hamba. Perkara ini dipersetujui oleh Muhammad Rifqi dan Khazri Osman (2022), yang mengatakan bahawa perkataan *'ibād* adalah panggilan halus dan kasih sayang Allah kepada hamba-Nya yang beriman. Huruf *alif* yang berada ditengah-tengah kalimah *'ibād* menggambarkan *'izzah* iaitu kehormatan, kemuliaan dan ketinggian hamba-hamba Allah yang beriman. Panggilan ini juga memberi gambaran bahawa seorang mu'min haruslah sentiasa berdiri tegak dengan teguh, tidak lemah, hina dan rendah apabila berhadapan dengan ancaman musuh atau hawa nafsu.<sup>5</sup>

Manakala perkataan *al-Rahman* pula ialah merujuk kepada nama Allah yang memberi maksud Maha Penyayang. Terdapat 99 nama agung yang mencerminkan kekuasaan dan kehebatan Allah SWT yang wajib diketahui dan fahami. Dengan mendalami dan menghayati nama-nama agung ini, setiap hamba-Nya akan dapat mengenali Allah SWT dengan lebih dekat dan sempurna, lalu menyedari kekuasaan-Nya serta merasai nikmat kasih sayang-Nya. *Al-Rahman* merupakan nama pertama yang disusun dari kesemua nama-nama Allah SWT yang membawa maksud Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.<sup>6</sup>

Maksud perkataan *al-Rahman* menggambarkan sifat Allah SWT yang amat pemurah terhadap hamba-hamba-Nya dengan menyediakan nikmat-nikmat yang tidak terhingga banyaknya di dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Keagungan sifat *al-*

---

<sup>5</sup> Muhammad Rifqi dan Khazri Osman (2022), Analisis Perkataan 'Abid dan 'Ibad dalam al-Qur'an, Seminar Semantik al-Quran 2022, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 5.

<sup>6</sup> Ibn al-Jauzi, 'Abd al-Rahman ibn 'Ali. (1422H). *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Hlm. 189

Rahman ini dikuatkan lagi dengan perincian sifat Maha Pemurah Allah SWT dalam suatu surah khas yang juga dinamakan surah al-Rahman iaitu surah ke-55 dalam al-Quran.<sup>7</sup> Intipati surah ini adalah berkenaan nikmat-nikmat kurniaan Allah SWT yang melimpah ruah meliputi apa yang ada di bumi dan langit, serta apa yang sediakan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Di dalam surah ini, Allah SWT telah mengulang ayat 13 sebanyak 31 kali dari keseluruhan 78 ayat, iaitu:

*Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?*

al-Rahman: 55

Menurut Ibn al-Jauzi (1422H), Penekanan kepada ayat ini menunjukkan bahawa tidak terhitung kurniaan Allah SWT namun masih ramai manusia yang tidak bersyukur dan mendustai nikmat-Nya. Allah SWT memberi amaran yang keras terhadap golongan yang ingkar dan kufur terhadap nikmat Allah akan azab dan seksaan di neraka jahanam setelah hitungan amalan dilaksanakan sesudah hari kiamat kelak. Allah SWT juga menjanjikan balasan setimpal kepada hamba-hamba-Nya yang bersyukur lalu memberikan khabar gembira dengan memperincikan kemanisan dan keindahan syurga-Nya. Sesungguhnya Allah SWT Maha pemurah lagi Maha Memberi Rahmat keatas hamba-Nya yang bersyukur. Ini adalah bukti kecintaan Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya.<sup>8</sup>

Manusia diciptakan oleh Allah dengan sebaik-baik ciptaan seperti firman Allah SWT dalam surah al-Tin dan seterusnya diangkat sebagai khalifah di muka bumi.

*Demi buah Tin dan Zaitun, Dan Gunung Tursina, Serta negeri (Makkah) yang aman ini, Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus. (Jika demikian kekuasaanKu), maka apa pula yang menjadikan engkau*

---

<sup>7</sup> Ibn Kathir, Isma'il ibn 'Umar. (1999). *Tafsir a;-Qur'an al-'Azim*. T.T.P: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.Hlm. 65

<sup>8</sup> Ibn al-Jauzi, Hlm. 96

*seorang pendusta, (berkata tidak benar) mengenai hari pembalasan, sesudah (ternyata dalil-dalil yang membuktikan kekuasaanKu mengadakan hari pembalasan) itu? Bukankah Allah (yang demikian kekuasaanNya) seadil-adil Hakim?*

al-Tin :4

Walaupun bagaimanapun, sifat manusia yang mudah lupa dan sering tewas dengan nafsu menjadi asbab utama kepincangan akhlak lalu mengundang murka Allah SWT. Oleh itu, sekali lagi dengan rahmat tuhan yang Maha Esa, Allah SWT telah menggariskan ciri-ciri utama atau karakter unggul yang dinamakan *'Ibād al-Rahmān* (hamba yang mendapat rahmat) yang mana karakter yang dicintai Allah ini perlu ada pada setiap manusia sebagai garis panduan dan pegangan utama dalam mengejar rahmat Allah SWT. Dalam 99 nama agung, Allah SWT memilih nama al-Rahman sebagai sandaran kepada hamba yang diredai-Nya bagi menunjukkan sifat pemurah Allah untuk mengganjarkan rahmat yang berganda-ganda dalam kehidupan sehinggalah Allah SWT menjanjikan rahmat teragung kepada yang berusaha mencapainya. Begitulah tingginya kecintaan Allah SWT kepada manusia sehinggakan tidak sanggup membiarkan hamba-Nya tercari-cari cara dan kaedah untuk mendekatinya dan memastikan diri sentiasa dibawah payungan rahmat-Nya.

Menurut Yusuf al-Qaradhawi (2015), *'Ibād al-Rahmān* ini dinisbahkan kepada zat Allah Yang Suci (Al-Rahmān), yang mengandungi pengertian bahawa mereka ialah hamba-hamba yang layak mendapat rahmat Allah SWT dan mereka selalu berada di dalam naungan rahmat ini dan rahmat memagari mereka dari kanan, kiri, atas dan bawah<sup>9</sup>. Allah SWT telah memberikan petunjuk bagaimana untuk menjadi hamba-Nya yang layak mendapat rahmat menerusi kalam agung-Nya dalam surah al-Furqan ayat 63 hingga 74 yang membawa maksud:

*Dan hamba-hamba (Allah) Al-Rahmān (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak*

---

<sup>9</sup> Yusuf al-Qaradhawi (2015), 12 Peribadi Cemerlang 'Ibad al-Rahman. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd. Hlm. 24.



*diingini; Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri; Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka Jahannam dari kami, sesungguhnya azab seksanya itu adalah mengerikan; Sesungguhnya neraka Jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk; Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu; Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan; Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani; Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh, maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat; Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya; Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang-orang yang pekak dan buta; Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara*

*yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.*

al-Furqan 63-74

### **Karakter ‘*Tbād al-Rahmān***

Setelah dianalisis, didapati ayat 63- 74 dari Surah al-Furqan mengandungi beberapa karakter hamba Allah yang perlu diberi perhatian. Pecahan karakter ini sesuai untuk diterapkan dalam pendidikan karakter terutama dalam mata pelajaran Agama Islam. Kajian yang dibuat oleh Waway Qodratulloh S (2017), konsep ‘*Tbād al-Rahmān*’ yang diajar di Politeknik Negeri Bandung, Indonesia telah memberi kesan positif dalam pendidikan karakter di institusi tersebut. Ini kerana pendidikan karakter yang terkandung dalam gugusan ayat 63-74 daripada surah al-Furqan ini meliputi beberapa terma penting seperti keronian, kebahagiaan, tata susila, kerukunan, kekeluargaan dan hidup bermasyarakat.<sup>10</sup>

Perkara ini turut dibahas oleh Aris Munandar (2011), yang mengatakan bahawa konsep ‘*Tbād al-Rahmān*’ merupakan karakter yang disebut Allah yang bersifat perilaku, perbuatan, sifat dan sikap yang sangat mulia. Kesemua karakter ini boleh menjadi teladan dan panduan untuk hamba Allah yang beriman. Ia juga merupakan gambaran hamba Allah yang mendapat kasih sayang serta cinta yang luar biasa daripada penciptanya di dunia mahupun di akhirat. Menurut beliau karakter ‘*Tbād al-Rahmān*’ dalam surah al-Furqan ini merangkumi dua aspek iaitu yang aspek pertama ialah hubungan hamba dengan Allah seperti solat, berdoa, mentauhidkan Allah dan beriman dengan ayat-ayat Allah. Manakala aspek kedua ialah contoh teladan manusia dalam berhubungan sesama manusia seperti selalu merendahkan hati, tidak sombong, menghormati sesama manusia, berinfatq, tidak membunuh, tidak melakukan perbuatan zina, selalu bersedia menerima nasihat dan keinginan untuk mendidik keturunan agar menjadi generasi yang soleh.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Waway Qodratulloh S (2017). Konsep ‘Ibad Al Rahman Dalam Al Quran Dan Relevansinya Dengan Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Di Politeknik. *Jurnal Pendidikan Islam Rabbani*.

<sup>11</sup> Aris Munandar (2011), Konsep al-Quran Tentang ‘*Ibad al-Rahman*’ dan Urgensinya terhadap Pendidikan Islam (telaah surah al-Furqan ayat 63-74), tesis Sarjana Pendidikan Islam, Indonesia: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Salatiga.

Jadual 1.0 Karakter *'Ibād al-Rahmān* dalam Surah al-Furqan

Ayat	Aris Munandar	Waway Qodratulloh S
<p>63. <i>Adapun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pengasih itu adalah orang-orang yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang bodoh menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka mengucapkan "Salam,"</i></p>	<p>- Berjalan di atas muka bumi tanpa sombong dan bongkak</p> <p>- Menzahirkan kelembutan bahasa lisan dan maksud kedamaian yang mendalam</p>	<p>- Merendahkan hatinya dan membalas keburukan dengan kebaikan</p>
<p>64. <i>Dan orang-orang yang menghabiskan waktu malam untuk beribadah kepada Tuhan mereka dengan bersujud dan berdiri.</i></p>	<p>-Melalui malam dengan bersujud dan berdiri untuk Tuhan mereka.</p>	<p>Menegakkan solat malam</p>
<p>65. <i>Dan orang-orang yang berkata, "Wahai Tuhan kami, jauhkanlah azab Jahannam dari kami, kerana sesungguhnya azabnya itu membuat kebinasaan yang kekal,"</i></p>	<p>Berdoa bersungguh-sungguh supaya mereka dapat diselamatkan dari neraka Jahannam</p>	<p>Mempunyai ketakutan yang besar terhadap api neraka</p>
<p>66. <i>Sesungguhnya Jahannam itu seburuk-buruk tempat menetap dan tempat tempat kediaman.</i></p>		
<p>67. <i>Dan (termasuk hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pengasih) orang-orang yang apabila menginfakkan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) bakhil, di antara keduanya secara wajar,</i></p>	<p>Bersederhana dalam mengurus pendapatan dan kewangan</p>	<p>Tidak berlebihan dalam membelanjakan harta</p>

Ayat	Aris Munandar	Waway Qodratulloh S
<p>68. <i>dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Allah dengan sembah lain dan tidak membunuh orang yang diharamkan Allah kecuali dengan (alasan) yang benar, dan tidak berzina; dan barang siapa melakukan demikian itu, nescaya dia mendapat hukuman yang berat,</i></p>	<p>Beribadah tanpa ada unsur syirik</p>	<p>Mentauhidkan Allah dan menjaga ketauhidan tersebut dalam kehidupannya</p>
	<p>Tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang dibenarkan</p>	
	<p>Mengelak dari berzina</p>	
<p>69. <i>(yakni) akan dilipatgandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia akan kekal dalam azab itu, dalam keadaan terhina,</i></p>		
<p>70. <i>kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman dan mengerjakan kebajikan; maka kejahatan mereka diganti Allah dengan kebaikan. Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.</i></p>	<p>Meninggalkan perkara yang mungkar, beriman serta beramal soleh</p>	
<p>71. <i>Dan barang siapa bertaubat dan mengerjakan kebajikan, maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya.</i></p>		<p>Menyedari setiap kesalahan dengan taubat dan amal soleh</p>
<p>72. <i>Dan orang-orang yang tidak memberikan kesaksian palsu, dan apabila mereka bertemu dengan (orang-orang) yang mengerjakan</i></p>	<p>Meninggalkan upacara yang haram seperti majlis yang dipenuhi dengan</p>	<p>-Tidak sumpah palsu - menjauhi perbuatan yang tidak berguna</p>

Ayat	Aris Munandar	Waway Qodratulloh S
<i>perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka berlalu dengan menjaga kehormatan dirinya,</i>	unsur dan aktiviti yang sia-sia	
73. <i>dan orang-orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidak bersikap sebagai orang-orang yang tuli dan buta,</i>	Sentiasa berlapang dada untuk ditazkirahkan, sedia menerima nasihat dari nas al-Quran	Menyambut setiap perintah Allah dengan penuh ketaatan
74. <i>Dan orang-orang yang berkata, "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertaqwa."</i>	Mengharapkan kebaikan untuk zuriat keturunan, mempunyai wawasan masa depan yang jelas dan tepat	Membangun keluarga dengan ketakwaan
<b>Jumlah Karakter</b>	12	9

Berdasarkan Jadual 1.0 di atas, Aris Munadar dan Waway Qodratulloh S telah berbeza pandangan dalam menyusun karakter *'Ibād al-Rahmān* . Aris Munadar telah menyenaraikan 12 karakter manakala Waway Qodratulloh S telah menyenaraikan 9 karakter. Walaubagaimanapun kedua-duanya tidak berbeza pandangan dalam karakter yang jelas pada ayat 63, 64, 65, 68, 72, 73 dan ayat 74.

Menurut Aris Munadar, karakter pada ayat 63 terdapat dua perkara yang berbeza iaitu berjalan di atas muka bumi tanpa sombong dan bongkak serta menzhahirkan kelembutan bahasa lisan dan maksud kedamaian yang mendalam. Manakala Waway Qodratulloh S pula menafsirkan hanya satu sifat yang terkandung di dalam ayat ini iaitu merendahkan hati dan membalas keburukan dengan kebaikan. Walaupun tafsir yang dinyatakan oleh kedua-dua pengkaji ini agak berbeza dari segi terma dan bilangan ciri, namun berdasarkan penelitian, maksud yang diketengahkan adalah tetap

sama, iaitu merendahkan hati dan membalas keburukan dengan kebaikan.

Manakala pada ayat ke 64, Aris Munandar menyatakan bahawa gelaran *'Ibād al-Rahmān* adalah bagi mereka yang menjalani waktu malam dengan bersujud serta mendirikan ibadah kerana Allah. Karakter ini dipersetujui oleh Waway Qodratulloh S yang menyatakan bahawa karakter pada ayat ini ialah suruhan Allah agar sentiasa menegakkan solat malam. Begitu juga karakter pada yang yang 65 dan 66, kedua-dua bersetuju dengan karakter permohonan hamba untuk dijauhi daripada azab api neraka. Namun Waway Qodratulloh S menjelaskan karakter ini dengan berpendapat bahawa orang yang takut akan azab Neraka sudah tentu bersungguh-sungguh melazimi doa agar terselamat dari seksa Jahannam.

Kesepakatan juga berlaku pada ayat 67 dan 68 iaitu tidak berlebihan dan bersederhana dalam membelanjakan harta. Berhemah dalam berbelanja menuntut seseorang itu untuk mengawal ekonomi kehidupannya agar tidak terlampau boros, bahkan tidak juga terlampau kedekut. Karakter tidak menyekutukan Allah juga turut dipersetujui kerana ayat 68 ini sangat jelas suruhan-Nya.

Karakter yang terkandung dalam ayat 69 dan 70, menurut Aris Munandar, tiga sifat hamba yang Maha Pengasih yang dapat dikeluarkan dalam dua ayat ini adalah beribadah tanpa ada unsur syirik, tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang dibenarkan dan terakhir, mengelak dari berzina. Namun, pandangan ini agak jauh beza dengan kajian oleh Waway Qodratulloh S, yang menyatakan bahawa ciri seterusnya ini terkandung dalam tiga ayat dengan turut menggabungkan ayat ke-70 bagi karakter ini, iaitu mentauhidkan Allah dan menjaga ketauhidan tersebut dalam kehidupannya. Perbezaan ini berlaku kerana Aris Munandar menyenaraikan setiap satu karakter sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat. Waway Qodratulloh S pula mengambil pendekatan dengan menggabungkan keseluruhan karakter yang terkandung dalam ketiga-tiga ayat ini menjadi satu ciri utama.

Menurut Aris Munandar, dua ayat ini merupakan tegasan dari Allah untuk hambanya yang mahu digelar sebagai *'Ibād al-Rahmān* dengan meninggalkan segala perkara yang mungkar, sentiasa

beriman dengan sebenar-benarnya dan mengamalkan amalan-amalan soleh. Apabila seseorang itu menyedari akan kesilapannya, maka perlulah dilakukan taubat dengan kadar segera serta berusaha untuk beramal soleh. Bagi Waway Qodratulloh S pula, karakter menyedari setiap kesalahan dengan bertaubat dan beramal soleh yang terdapat pada ayat 71 merupakan ciri yang perlu diasingkan. Pendapat beliau, ciri ini tidak boleh digabungkan dengan ayat sebelum kerana ia merupakan satu sifat yang agak besar dan perlukan kesungguhan serta keyakinan untuk melakukannya.

Bagi karakter pada ayat ke 72 pula, terdapat perbezaan yang agak ketara bagi kedua-dua pengkaji ini. Ini kerana, bagi pendapat Aris Munandar, ayat ini mengisyaratkan untuk tidak melakukan sumpah palsu. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa tafsiran lain bagi ayat ini adalah meninggalkan upacara yang haram. Contohnya majlis yang dipenuhi dengan unsur dan aktiviti lagha. Manakala, bagi pandangan Waway Qodratulloh S, ayat ini menegaskan untuk tidak membuat sumpah palsu serta menjauhi perbuatan yang tidak berguna. Larangan ini disebabkan kerana perbuatan-perbuatan yang dinyatakan merupakan perkara yang sia-sia.


Karakter yang terdapat pada ayat 73 disepakati iaitu Allah memerintahkan hamba-Nya untuk sentiasa berlapang dada bagi menerima nasihat dari ayat-ayat suci al-Quran. Karakter yang terakhir pada ayat ke 74 pula Aris Munandar menjelaskan bahawa ayat ini membawa satu karakter *'Ibād al-Rahmān* iaitu mengharap kebaikan kepada zuriat keturunan serta mempunyai wawasan masa depan yang tepat dan jelas. Waway Qodratulloh S pula meringkaskannya dengan ciri yang terdapat dalam ayat ini adalah membangun keluarga dengan ketakwaan.

Hasil daripada ciri-ciri yang disenaraikan ini, dapat diperhatikan secara keseluruhannya Aris Munandar menyenaraikan 12 karakter *'Ibād al-Rahmān* , sementara bagi pandangan Waway Qodratulloh S, terdapat sembilan karakter yang terhimpun di dalam gugusan ayat 63-74 Surah al-Furqan. Isu perbezaan angka bilangan ini sudah jelas dinyatakan sebagaimana dalam huraian iaitu kerana terdapat ayat yang digabungkan dan ada juga yang diasingkan.

Berdasarkan kepada pandangan kedua-dua ini, analisis dan penilaian telah dilakukan dengan dapatan kajian bahawa sepuluh

karakter boleh dikeluarkan daripada gugusan ayat 63-74 surah al-Furqan ini sebagaimana berikut;

Rajah 2.0 Sepuluh karakter 'Ibād al-Rahmān' dari ayat 63–74 surah al-Furqan



Karakter pertama iaitu merendahkan hati dan membalas kejahatan dengan kebaikan menuntut kita untuk bersifat tawaduk dan tidak meninggi diri atas kelebihan yang Allah SWT kurniakan. Harus kita sebagai hamba-Nya ingat bahawa segala kelebihan dan kekuatan diri kita hanyalah ihsan dari Allah. Ini penting agar kita sentiasa mengembalikan diri dan segala perkara yang berlaku kepada Allah. Ini dapat menghalang diri kita dari sikap takabur dan riak. Kerendahan hati akan melahirkan ketinggian akhlak dan keindahan budi pekerti. Sikap rendah hati ini seterusnya akan menghalang manusia daripada melakukan kemungkaran dan kejahatan diatas muka bumi ini. Sekalipun ada insan lain yang berbuat jahat kepada-Nya, orang yang memiliki karakter ini tidak akan membalas kejahatan dengan kejahatan. Sebaliknya, akan sentiasa membalas dengan perbuatan yang baik demi mengekalkan kesejahteraan, kerana menyedari bahawa setiap insan tidak akan lari dari melakukan dosa dan pintu taubat sentiasa terbuka untuknya.

Karakter kedua menggariskan keperluan setiap hamba yang beriman untuk bangun mendirikan solat malam. Jika seseorang itu merasakan diri adalah hamba, solat malam adalah satu keperluan baginya kerana ianya merupakan waktu yang paling akrab dan



paling dekat dengan sang pencipta. Orang yang mencintai seseorang yang lain, akan berusaha untuk merapati insan yang dicintai-Nya, mencari waktu dan kesempatan untuk bersua dan menyatakan cinta. Begitulah jua dengan kecintaan kepada Allah yang Maha Penyayang, dalam kesunyian malam yang jauh dari hiruk pikuk manusia, tanpa perlu memikirkan urusan dunia, kita bermunajat, bertahajjud dan bersujud menzahirkan kesyukuran dan keimanan kepada Allah SWT Allah amat mencintai hamba-Nya yang mendirikan solat malam.

Kerendahan hati akan melahirkan insan yang berkepribadian murni, cintakan Allah SWT dan rasul, dan seterusnya pasti membuatnya sentiasa takut kepada murka Allah apalagi terhadap azab yang amat pedih iaitu kepanasan neraka-Nya. Ini membawa kepada karakter ketiga *'Ibād al-Rahmān* , iaitu takut akan api neraka. Orang-orang yang beriman sentiasa menjaga keperibadiannya serta perilaku agar sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dan menjauhi apa yang dilarang.

Tidak berlebihan dalam berbelanja merupakan karakter yang keempat digariskan oleh Allah dalam ayat ke 67. Allah SWT reda kepada hamba-Nya yang membelanjakan harta pada jalan-Nya. Namun, tidaklah membelanjakannya secara melampaui batasan. Walaubagaimanapun, Allah SWT juga menegah dari sifat bakhil dan kedekut. Kecaman Allah terhadap orang yang bakhil banyak di dalam al-Quran. Ini menunjukkan bahawa Allah mengkehendaki hamba-Nya bersederhana (wasatiah) dalam berbelanja. Kita perlu bijak dalam berbelanja agar tidak boros, tidak bakhil, namun tidak juga berlebih-lebihan berinfaq.

Mentauhidkan Allah SWT adalah karakter kelima yang melayakkan seseorang itu termasuk dalam golongan *'Ibād al-Rahmān*. Sesungguhnya Allah Maha Esa, tiada satupun yang setanding dengannya, Dia lah yang maha menghidupkan dan mematikan, maha mencipta dan membinasakan, maha hebat dan maha agung. Tiada sesuatupun yang layak disembah melainkan Allah 'Azzawajalla. Wajib bagi seorang hamba untuk tidak menyekutukan-Nya. Seluruh kehidupan kita haruslah berbalik kepada-Nya, memohon sesuatu daripada-Nya, mengharap perlindungan daripada-Nya dan mendambakan kasih sayang-Nya. Syirik merupakan dosa yang sangat besar dan tidak akan mendapat keampunan Allah.

Selain dari perbuatan syirik, membunuh tanpa alasan yang dibenarkan oleh syara' serta melakukan zina juga akan diberikan balasan buruk di akhirat kelak. Allah SWT akan melipatgandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia akan kekal dalam azab itu dalam kehinaan. Sebaliknya, khabar gembira buat orang-orang yang sering bertaubat, beriman kepada Allah SWT serta mengerjakan amal yang baik, maka Allah akan menggantikan keburukan mereka dengan kebaikan.

Karakter keenam menggariskan umat manusia agar sentiasa menghargai nyawa dan memelihara maruah. Orang mukmin tidak seharusnya menghalalkan darah orang lain tanpa sebab dan perlunya menghargai orang lain demi kesejahteraan hidup. Maruah pula merupakan aset utama yang perlu dijaga dan dipelihara agar keperibadian mukmin itu terjaga, justeru menjadikan kita seorang hamba yang tenang dan dikasihi Allah.

Karakter ketujuh *'Ibād al-Rahmān* adalah menyedari kesalahan, bertaubat dan membuat amal soleh. Hukum bertaubat adalah wajib. Manusia bersifat lemah dan sering melakukan dosa. Namun, dengan kasih sayang Allah, pintu taubat sentiasa terbuka luas untuk hamba-Nya memohon keampunan. Meskipun hamba-Nya melakukan dosa yang sama berulang kali, Allah masih reda menerima taubat hamba-Nya itu asalkan dia benar-benar memohon keampunan. Begitulah kecintaan Allah SWT terhadap hamba-Nya yang sentiasa memohon keampunan. Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang bertaubat dengan sebenar-benar taubat.

Tidak melakukan sumpah palsu dan meninggalkan perkara yang dilarang dan sia-sia merupakan karakter kelapan yang disenaraikan oleh Allah. Dewasa ini kerap kali kita mendengar seseorang bersumpah dan menjadikannya seolah-olah satu kebiasaan yang tidak ada apa-apa maksud selain hanya ingin meraih kepercayaan orang di sekelilingnya mengenai apa yang diperkatakan. Lebih mengkusarkan lagi, seseorang sanggup bersaksi palsu demi membetulkan sesuatu perkara yang tidak benar. Seharusnya orang-orang yang beriman tidak akan bersumpah sewenang-wenangnya, apa lagi bersaksi palsu keatas sesuatu perkara.

Selain dari sumpah palsu, orang mukmin juga haruslah sentiasa meninggalkan perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah serta sentiasa menjaga kehormatan dirinya.

Meninggalkan perkara yang tidak memberi manfaat bukan sahaja dapat mengelakkan diri dari perbuatan yang merugikan diri sendiri, malah ia juga akan menjaga kita dari melakukan sesuatu yang mencemarkan nama baik dan kehormatan diri kita sendiri. *'Ibād al-Rahmān* akan sentiasa taat kepada perintah Allah SWT, meninggalkan apa yang dilarang dan mengelak dari melakukan kemungkaran. Mereka akan sentiasa terbuka untuk mendengar nasihat dan teguran demi memperbaiki diri dan kehidupannya. Ciri-ciri ini merupakan karakter kesembilan iaitu mentaati perintah Allah SWT. Orang-orang yang soleh akan sentiasa rendah hati dan menerima semua nasihat tanpa mengira darjat orang yang memberi pengajaran. Mereka senantiasanya menerima ilmu-ilmu yang baik dan menerimanya dengan hati yang terbuka.

Kesepuluh, karakter terakhir *'Ibād al-Rahmān* adalah milik orang-orang yang sentiasa berdoa, memohon kepada Allah dan bergantung harap pada pertolongan Allah. Sesungguhnya doa adalah senjata orang mukmin. Mereka terdiri dari hamba yang berdoa untuk dirinya, juga untuk isteri dan keturunannya agar sentiasa berada pada jalan yang diredai Allah. Mengharap kesejahteraan, keampunan dan rahmat Allah terutamanya rahmat yang paling agung, iaitu sebaik-baik balasan syurga. Kesemua sepuluh karakter hamba yang dicintai Allah ini perlu ada pada diri setiap muslim yang dambakan rahmat dan reda Allah SWT.

### **Penutup**

Melalui kaedah kepustakaan yang dijalankan, didapati konsep *'Ibād al-Rahmān* sudah dijadikan sebagai sumber rujukan di beberapa institusi, antaranya sebagaimana di Politeknik Indonesia yang memasukkan sifat-sifat yang terkandung dalam konsep ini ke dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI). Menurut kajian yang dibuat oleh Waway Qodratulloh S, pelajar di Politeknik didedahkan dengan konsep *'Ibād al-Rahmān* dalam PAI melalui enam tema utama, iaitu pegangan sebenar-benarnya kepada Islam, menggapai kebahagiaan melalui agama, memahami dan meyakini Islam, membina hubungan bersama masyarakat, bersemangat, jujur serta amanah dalam melakukan sesuatu perkara, dan diakhiri

dengan membina diri dan keluarga dengan penuh ketakwaan kepadaNya. Hasil kajian beliau mendapati melalui usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan, mahasiswa yang menjadi penuntut di Politeknik ini dilihat mampu untuk menjadi seorang manusia yang berakhlak mulia, selain mampu membawa kebaikan kepada seluruh keluarga serta masyarakat.

Sebuah lagi institusi yang turut menjadikan konsep *'Ibād al-Rahmān* sebagai dasar dalam pembelajaran PAI adalah di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Salatiga, Jawa Tengah Indonesia. Aris Munandar dalam kajiannya menyenaraikan terdapat dua manfaat yang dapat diambil hasil daripada penerapan konsep *'Ibād al-Rahmān* ke dalam subjek PAI terhadap penuntut di institusi ini. Menurut beliau, pertamanya konsep *'Ibād al-Rahmān* adalah sebagai karakter contoh teladan untuk diikuti oleh para pelajar, dan keduanya, membentuk peribadi pelajar menjadi seorang manusia yang mengambil berat terhadap seluruh kehidupannya termasuklah ibadah, ekonomi dan kehidupan sosial. Hasil kajian ini memberi isyarat bahawa perlunya untuk menyebar luaskan konsep yang diperkenalkan oleh Allah ini kepada seluruh masyarakat amnya agar dapat membentuk kelompok komuniti yang makmur.

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap kedua-dua institusi pengajian ini, elemen yang wujud di dalam senarai karakter *'Ibād al-Rahmān* sebagaimana yang telah dinyatakan di atas dilihat mampu untuk mendidik serta membentuk perwatakan seorang manusia yang bukan sahaja membantu dalam pembentukan dan pembaikan akhlak, akan tetapi ia turut menjadikan pengamalinya mempunyai kualiti hidup dalam segenap aspek. Sepuluh karakter yang dihasilkan daripada kajian ini turut menepati pandangan kedua-dua pengkaji, namun sepuluh yang disenaraikan ini lebih berfokus mengikut gugusan ayat 63-74 dari surah al-Furqan.

### **Penghargaan**

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana meluluskan geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Pembangunan Modul Pengendalian Khidmat Nasihat Pencegahan Jenayah Syariah Terengganu Berteraskan Konsep *Ibad Al-Rahman* dengan nombor geran, RACER-FRGS (RACER/1/2019/SS06/UMT/1). Ucapan penghargaan juga diucapkan kepada Bahagian

Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang telah memberikan kerjasama padu dalam memastikan projek ini berjalan sebagaimana yang dirancang

### **Bibliografi**

- Aris Munandar (2011), Konsep al-Quran Tentang *'Ibād al-Rahmān* dan Urgensinya terhadap Pendidikan Islam (telaah surah al-Furqon ayat 63-74), tesis Sarjana Pendidikan Islam, Indonesia: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Salatiga.
- Al-Zamaksyari (1999). al-Kasysyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Takwil, Kaherah: Maktabah al-Wafiyah.
- Dian Arief Pradana, Mahfud Mahfud, Candra Hermawan, Herdiana Dyah Susanti (2020). Nasionalism:Character Education Orientation in Learning Development. Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal) : Humanities, Vol 3, No 4 (2020)
- Ibn al-Jauzi, 'Abd al-Rahman ibn 'Ali. (1422H). *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Kathir, Isma'il ibn 'Umar. (1999). *Tafsir a;-Qur'an al-'Azim*. T.T.P: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Rifqi dan Khazri Osman (2022), Analisis Perkataan 'Abid dan 'Ibad dalam al-Qur'an, Seminar Semantik al-Quran 2022, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kenyataan Media Statistik Jenayah Malaysia (2021), Jabatan Perdana Menteri: Kuala Lumpur. Diakses pada 3 Jun 2022 melalui [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats\\_%40media/4-Press\\_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats_%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf)
- Syaparuddin, S., & Elihami, E. (2019). Peranan Pendidikan Nonformal Dan Sarana Pendidikan Moral. *Jurnal Edukasi Nonformal*, 1(1), 173-186. Diunduh daripada <https://ummaspul.e-journal.id/JENFOL/article/view/317>
- Yusuf al-Qaradhawi (2015), 12 Peribadi Cemerlang 'Ibād al-Rahmān. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Waway Qodratulloh S (2017). Konsep 'Ibād Al-Rahmān dalam Al Quran dan Relevansinya dengan Pembelajaran Pendidikan

Khadijah, Riswadi, Nor Hazmin & Aisyah, *Pendidikan Karakter*

Agama Islam di Politeknik. Jurnal Pendidikan Islam  
Rabbani.